



SIARAN MEDIA

SOLIDARITI UNTUK PALESTIN : 2,000 PELAJAR DAN KAKITANGAN POLITEKNIK UNGKU OMAR BERHIMPUN MANIFESTASI SOKONGAN

IPOH, 27 Oktober 2023 - Seramai lebih 2,000 pelajar dan kakitangan Politeknik Ungku Omar (PUO) telah berhimpun sebagai tanda solidariti untuk Palestin dalam satu majlis khas, **Himpunan Solidariti Politeknik Ungku Omar Bersama Palestin** yang dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) PUO dengan kerjasama **MyCARE** (Humanitarian Care Malaysia Berhad). MyCARE merupakan sebuah badan pertubuhan bukan kerajaan yang menyediakan bantuan kemanusiaan seperti bantuan bencana banjir, tempat perlindungan sementara, pembinaan semula rumah, pek makanan dan pendidikan serta aktif menggerakkan aktiviti bantuan untuk rakyat Palestin. Majlis telah diadakan di Dewan Jubli Perak, Politeknik Ungku Omar.

Di dalam majlis himpunan ini, para peserta himpunan turut mendengar ucapan aktivis MyCARE iaitu Ir. Haji Megat Shariffudin Ibrahim berkenaan situasi semasa di bumi Palestin. Pada majlis sama, Tabung Palestin PUO turut dilancarkan oleh Pengarah PUO, Dr. Shamsuri Abdullah bagi membolehkan sumbangan dari warga PUO dikumpulkan sebelum kutipan keseluruhan diserahkan kepada Tabung Khas Bantuan Untuk Palestin yang diselaraskan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

Himpunan Solidariti Politeknik Ungku Omar Bersama Palestin ini merupakan satu manifestasi keprihatinan warga PUO dalam melahirkan mahasiswa TVET yang holistik dalam pelbagai aspek kehidupan termasuk ilmu pengetahuan, kemahiran teknikal serta cakna dan peka terhadap isu-isu sejagat agar dapat membentuk jati diri sebenar sebagai modal insan negara.